

# MINUFA dilantik jadi pengedar

**Manika Laseggar:** MAN Truck and Bus (M) Sdn Bhd (MTBM) menandatangani perjanjian wakil jualan dengan MINUFA Automobile Sdn Bhd (MINUFA) untuk mengedarkan kenderaan komersial dan menyediakan khidmat selepas jualan di pantai timur.

Pengarah Urusan MTBM Hartmut Mueller berkata, MINUFA mempunyai reputasi baik dan mampu memberikan kos lebih berkesan.

"Kami menyedari akses kepada perkhidmatan selepas jualan dan kemudahan mendapat alat ganti tulen penting dalam memastikan kos operasi dan penyelenggaraan kenderaan rendah da-



**MUELLER (kiri) memeterai perjanjian dengan Ketua Pegawai Eksekutif MINUFA Global Group, Sunny Chan.**

lam tempoh panjang.

"Pelantikan MINUFA sebagai pengurusan 3S (jualan, servis dan alat ganti) untuk pengedar kenderaan membantu merangsang objektif ini dan mengukuhkan kedudukan kami di pantai timur serta menambah rangkaian jualan dan khidmat kami di negara ini," katanya.

Mengikuti perjanjian itu, MINUFA sebagai rakan kongsi perkhidmatan selepas jualan akan mempunyai satu-satunya cawangan untuk kenderaan komersial MTBM.

Pusat servis MTBM yang dikendalikan MINUFA akan beroperasi di Kuantan, Pahang.